

The Raw prihatin nasib golongan susah

PLATFORM PKS

KUALA LUMPUR – Ramai usahawan yang menceburi bidang perniagaan bukan sahaja mahu mengejar keuntungan semata-mata atau membina kekayaan sendiri tetapi mereka lebih memfokuskan kepada usaha untuk membangunkan empayar bisnes bersama ejen, pengedar, stokis, vendor serta komuniti.

Usahawan yang berjaya juga sentiasa fokus untuk mendidik pengguna khususnya bagi mereka yang memiliki kemahiran dan pengalaman dalam bidang kecantikan untuk meningkatkan pengetahuan golongan wanita yang menggunakan produk keluaran syarikat.

Mereka tidak mahu pengguna menggunakan produk secara sembrono tanpa memiliki sebarang asas pengetahuan tentang kecantikan serta kesihatan agar produk yang dimanfaatkan itu membantu menyelesaikan masalah masing-masing.

Itulah yang diamalkan oleh Pengasas The Raw International Sdn. Bhd. Adibah Mazlan melalui jenama produk poplarnya, The Raw yang merupakan ahli farmasi yang telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan selama tujuh tahun.

Kini melalui syarikat yang dibangunkan sejak lima tahun lalu itu telah membolehkan usahawan tersebut mengaplikasikan kemahiran farmaseutikal beliau di dalam bidang kosmetik.

Produk keluarannya kini telah mendapat sambutan yang baik di pasaran tempatan melalui beberapa rangkaian peruncitan berjenama kukuh agar memudahkan pengguna mendapat akses bagi produk The Raw dengan mudah.

Produk The Raw kini boleh didapati di lebih 500 cawangan Guardian dan 60 rangkaian AEON Wellness di seluruh negara.

Sehingga kini, terdapat 10 jenis produk penjagaan kecantikan yang dijual pada harga serendah RM20 hingga kurang daripada RM100 seunit yang turut dijual di platform online.

Mengulas lanjut mengenai perkembangan syarikat, Pengerah Perhubungan Awam The Raw, Nor Amira Amizan berkata, pada fasa awal pembangu-

NOR AMIRA AMIZAN



NOR AMIRA (tiga dari kiri) bersama Pengerusi Gerakwanis, Bibi Sunita Sakandar Khan (empat dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Prihatin Nasional, Datuk Aizuddin Ghazali bergambar bersama sebahagian daripada wakil penerima infaq beras di Kuala Lumpur baru-baru ini.



NOR AMIRA (tengah) turun padang bersama wakil NGO dan pelbagai pihak lain mendekati kumpulan sasaran yang memerlukan bantuan.



SALAH seorang penerima infaq beras turut menerima sumbangan lain sebagai persediaan mereka untuk menyambut hari raya.

nannya syarikat telah terkesan dengan fasa pandemik yang melanda negara tetapi ia kembali pantas berkembang melalui strategi pemasaran dan rangkaian pengedaran yang efektif.

"Melalui penguatkuasaan kedudukan kewangan setiap tahun, memberi peluang kepada kami untuk menyumbang kepada golongan yang memerlukan melalui program amal yang dijalankan secara besar-besaran pada tahun ini.

"Kami mahu berkongsi rezeki melalui program menginfak beras kepada 10,000 keluarga asnaf sepanjang bulan Ramadan lalu," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Program sulung anjuran syarikat yang dikenali sebagai Sentuhan Kasih The Raw yang dijayakan bersama Persatuan Gerak Wanita Islam Malaysia (Gerakwanis), Pertubuhan Kebajikan RichWorks (Rich-

Well) dan Enrichment Media Lab Sdn. Bhd. telah menginfak dan mengagihkan sumbangan tersebut kepada kumpulan sasaran di sekitar Lembah Klang.

"Sebelum ini kami hanya lakukan aktiviti amal secara dalaman dan dibuat secara kecil-kecilan tanpa penglibatan ramai pihak tetapi tahun ini, kami lakukan secara berbeza kerana kami mahu mendekati masyarakat yang memerlukan bantuan.

"Mengambil kira kos barangan keperluan yang semakin meningkat dalam persekitaran ekonomi yang mencabar ini, kami berharap dapat membantu mereka yang dalam kesusahan apatah lagi dalam persediaan mereka menyediakan keperluan untuk menyambut hari raya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penyerahan baki sumbangan beras kepada kumpulan sasaran dalam sebuah majlis di sini baru-baru ini.

Pihak pengurusan The Raw dan juga persatuan yang terbabit itu telah membuat tiga fasa pengagihan yang melibatkan seban-

yak 1,000 kampil beras kepada asnaf berhampiran empat masjid terpilih di sekitar Selangor dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Diikuti dengan pengagihan 3,000 kampil beras kepada penduduk di Perumahan Awam Desa Rejang dengan sokongan Persatuan Penduduk Perumahan Awam Desa Rejang serta Gabungan Pengerusi-Pengerusi Penduduk Perumahan Rakyat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Fasa terakhir adalah pemberian 3,000 kampil beras kepada wakil-wakil dari NGO, surau, madrasah tahfiz serta wakil penduduk bandar Tun Razak dan Cheras.

Semua aktiviti tersebut disertai oleh Amira bersama sebahagian daripada kakitangan The Raw.

"Inisiatif yang dijalankan ini merupakan salah satu budaya dan nilai yang diterapkan dalam syarikat kami bagi memberi kembali kepada masyarakat.

"Kami berharap dapat meneruskan lagi aktiviti tersebut dengan pelbagai pihak lain tahun depan," ujarnya.